

25/11/1999

Majikan mesti beri pekerja cuti mengundi

NIBONG TEBAL, Rabu - Majikan sektor swasta terutama perindustrian dan perladangan di seluruh negara diingat supaya mematuhi keputusan kerajaan memberi cuti kepada kakitangan awam pada 29 November ini untuk membolehkan mereka melaksanakan hak serta tanggungjawab mengundi pada pilihan raya ke-10.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, berkata langkah itu juga sebagai menghormati pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengisytiharkan cuti umum pada tarikh berkenaan.

Menurutnya, selain kakitangan awam, rakyat Malaysia yang bekerja di sektor swasta juga berhak diberi peluang untuk menunaikan tanggungjawab mereka pada setiap pilihan raya.

"Sikap majikan yang terlalu mementingkan keuntungan dan tidak menghormati kerajaan terutama Perdana Menteri menyebabkan Akta Pekerjaan 1955 dipinda.

"Walaupun pindaan akta ini hanya diluluskan di peringkat Jemaah Menteri, majikan tidak seharusnya menganggap keputusan untuk hanya memberi pelepasan waktu kerja pada hari pengundian kepada kakitangan adalah mencukupi.

"Tindakan seumpama itu (hanya memberi pelepasan waktu kerja) bermakna majikan menghalang rakyat negara ini menunaikan tanggungjawab," katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian dan meletak batu asas Institut Latihan Perindustrian Arumugam Pillai di sini, hari ini.

Beliau berkata, intipati pindaan Akta Pekerjaan 1995 diluluskan Jemaah Menteri dan akan dibentangkan di Parlimen awal tahun depan bagi membolehkan tindakan dikenakan terhadap majikan yang tidak menghormati pengumuman cuti umum disyitiharkan kerajaan.

Menurut Lim, tanggungjawab mengundi hanya dilaksanakan sekali dalam tempoh lima tahun dan peluang seumpama itu tidak seharusnya dilepaskan hanya disebabkan sikap majikan tidak prihatin.

"Kakitangan tidak perlu memohon cuti kerana tarikh berkenaan diumumkan sebagai cuti umum," katanya.

Selain itu, beliau turut memaklumkan kelulusan Parlimen untuk membubarkan Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan yang akan berkuatkuasa sebelum 1 Januari 2000.

Menurutnya, berikutan keputusan itu, seramai 18 warga tua yang juga bekas buruh India Selatan yang sebelum ini ditempatkan di Rumah Orang Tua Nibong Tebal dipindahkan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat.

"Tanah milik lembaga berkenaan seluas kira-kira enam hektar itu didermakan mendiang Datuk N T S Arumugam Pillai, seorang pemimpin masyarakat India tempatan untuk membina sebuah Institut Latihan Perindustrian (ILP) Arumugam Pillai berharga RM22 juta," katanya.

Lim berkata, ILP berkenaan mengambil nama pemimpin berkenaan sebagai mengenang jasa mendiang untuk tujuan pembelajaran khas membabitkan kaum India dan masyarakat setempat.

Menurutnya, penubuhan ILP berkenaan secara tidak langsung membantu pelajar keturunan India di kalangan ahli keluarga bekas pekerja keturunan India Selatan meningkatkan taraf hidup mereka.

(END)